



GARIS PANDUAN

**TUNTUTAN POTONGAN BAGI
PENGALAKAN EKSPORT PENDIDIKAN TINGGI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. Pendahuluan.....	1
2. Syarat-Syarat Kelayakan	1
3. Perbelanjaan yang Layak bagi Potongan Tambahan	2
4. Potongan yang dibenarkan	5
5. Prosedur Tuntutan Potongan.....	5
6. Pemakaian.....	6

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (Ketua Pengarah) mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Pendahuluan

Kerajaan telah memperkenalkan galakan cukai khusus untuk sektor pendidikan tinggi melalui Kaedah-Kaedah berikut:

- **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport Pendidikan Tinggi) 2001 [P.U.(A) 185/2001]** yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1996; dan
- **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport Pendidikan Tinggi) (Pindaan) 2003 [P.U.(A) 261/2003]** yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

Garis panduan ini memberi penjelasan berhubung prosedur dan syarat tuntutan potongan bagi perbelanjaan yang layak untuk penggalakan eksport pendidikan tinggi.

2. Syarat Kelayakan

Galakan ini layak dituntut oleh mana-mana syarikat yang memenuhi kesemua syarat berikut:

- (a) Syarikat adalah bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tuntutan dibuat. Taraf pemastautin hendaklah menurut peruntukan di bawah seksyen 8, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- (b) Syarikat hendaklah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang maksud utamanya ialah menubuhkan, menguruskan dan memiliki suatu institusi pendidikan tinggi swasta yang didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT).
- (c) Syarikat hendaklah menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi di Malaysia.
- (d) Syarikat hendaklah melakukan perbelanjaan yang layak, yang boleh dibenarkan di bawah seksyen 33 ACP, terutamanya dan khususnya bagi maksud penggalakan eksport pendidikan tinggi dalam tempoh asas bagi tahun taksiran tuntutan dibuat.
- (e) Syarikat hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi (BPPT), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), KPT untuk mendapatkan kelulusan bagi mengendalikan program dan aktiviti penggalakan eksport pendidikan tinggi di luar negara atau mengendalikan promosi pendidikan secara persendirian.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (f) Syarikat yang menggunakan khidmat syarikat yang diluluskan oleh KPT bagi mengendalikan pengalakan pendidikan di luar negara juga layak untuk menuntut galakan ini. Syarikat hendaklah mendapatkan kelulusan daripada KPT bahawa bayaran perkhidmatan kepada syarikat itu adalah bagi tujuan mengendalikan pengalakan pendidikan di luar negara.
- (g) Syarikat yang layak mendapat potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah tidak layak mendapat potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pengalakan Eksport Perkhidmatan) 1999 - [P.U.(A) 193/1999] atau di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pengalakan Eksport Perkhidmatan) 2002 - [P.U.(A) 114/2002].

3. Perbelanjaan yang Layak bagi Potongan Tambahan

- (a) Perbelanjaan berhubung dengan kajian pasaran bagi maksud eksport pendidikan tinggi. Setiap perbelanjaan kajian pasaran hendaklah bagi tujuan penentuan potensi pasaran yang baru termasuk-
 - (i) Perbelanjaan untuk menyediakan kertas cadangan kajian.
 - (ii) Perbelanjaan untuk menyediakan laporan kajian.
 - (iii) Perbelanjaan bagi mengambil khidmat perunding pasaran untuk menjalankan kajian pasaran eksport di luar negeri.

Perbelanjaan ini hendaklah tidak termasuk tambang kapal terbang, penginapan dan makanan.
- (b) Perbelanjaan berhubung dengan penyediaan tender bagi maksud eksport pendidikan tinggi termasuk-
 - (i) Perbelanjaan bagi menyediakan sampel tender mengikut spesifikasi yang diperlukan untuk dikemukakan bersama-sama dokumen tender seperti kos sampel tender, upah pekerja dan bayaran perunding.
 - (ii) Perbelanjaan bagi penghantaran dokumen tender dan sampel ke destinasi di luar negara seperti caj penghantaran, pengangkutan, insurans dan belanja pos.
- (c) Perbelanjaan berhubung dengan penyediaan maklumat teknikal bagi maksud eksport pendidikan tinggi termasuk-

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (i) Perbelanjaan bagi menyediakan dokumen maklumat teknikal mengikut spesifikasi yang diperlukan seperti kos bahan, upah pekerja dan bayaran perunding.
- (ii) Perbelanjaan bagi penghantaran maklumat teknikal dan dokumen berkaitan ke destinasi di luar negara seperti caj penghantaran, pengangkutan, insurans dan belanja pos.
- (d) Perbelanjaan untuk perjalanan ke destinasi di luar negara oleh wakil syarikat bagi maksud penggalakan eksport pendidikan tinggi bagi tempoh bermula dari masa wakil itu bertolak dari Malaysia dan berakhir dengan kembalinya wakil itu ke Malaysia termasuk-
 - (i) Perbelanjaan bagi tambang perjalanan pergi dan balik kelas ekonomi kapal terbang atau pengangkutan darat.
 - (ii) Tambang darat di luar negara.
 - (iii) Perbelanjaan bagi penginapan hotel (terhad kepada RM300 sehari).
 - (iv) Perbelanjaan bagi makanan (terhad kepada RM150 sehari).Wakil syarikat bererti pengarah atau pekerja syarikat.
- (e) Perbelanjaan untuk perjalanan ke destinasi di luar negara oleh wakil syarikat bagi menyertai pameran pendidikan yang diluluskan oleh KPT bagi maksud penggalakan eksport pendidikan tinggi bagi tempoh bermula dari masa wakil itu bertolak dari Malaysia dan berakhir dengan kembalinya wakil itu ke Malaysia termasuk-
 - (i) Perbelanjaan bagi tambang perjalanan pergi dan balik kelas ekonomi kapal terbang atau pengangkutan darat.
 - (ii) Tambang darat di luar negara.
 - (iii) Perbelanjaan bagi penginapan hotel (terhad kepada RM300 sehari).
 - (iv) Perbelanjaan bagi makanan (terhad kepada RM150 sehari).
- (f) Perbelanjaan langsung berhubung dengan penyertaan dalam pameran pendidikan di luar negara yang diluluskan oleh KPT bagi maksud penggalakan eksport pendidikan tinggi termasuk-

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (i) Perbelanjaan bagi publisiti dan pengiklanan semasa pameran.
- (ii) Perbelanjaan bagi penghantaran peralatan dan bahan pameran.
- (iii) Perbelanjaan bagi kos penyewaan, reka bentuk dan pembinaan gerai pameran, perkhidmatan pakar susun atur gerai pameran, penyewaan perabot dan lekatan bagi gerai pameran dan membuka semula gerai pameran selepas pameran tamat tidak termasuk kos yang melibatkan struktur kekal.
- (iv) Perbelanjaan bagi utiliti seperti caj elektrik dan air semasa pameran.
- (v) Perbelanjaan bagi kos komunikasi seperti bayaran pos, telefon, faksimili dan e-mel semasa pameran.
- (vi) Gaji dan upah yang dibayar kepada pekerja tempatan yang diambil bagi tujuan mengendalikan gerai pameran seperti pengawal keselamatan, penterjemah, penyambut tetamu dan pembantu gerai.
- (vii) Perbelanjaan bagi cenderamata yang diberikan semasa pameran seperti lencana, beg plastik dan penanda buku.

Perbelanjaan adalah selain daripada yang dinyatakan di subperenggan 3(d) dan (e).

- (g) Perbelanjaan bagi kos menyenggara pejabat promosi pendidikan di luar negara bagi maksud penggalakan eksport pendidikan tinggi termasuk-
 - (i) Perbelanjaan bagi penyewaan ruang pejabat.
 - (ii) Perbelanjaan bagi penyenggaraan dan pembaikan ruang pejabat.
 - (iii) Perbelanjaan bagi bayaran gaji untuk kakitangan pejabat.
 - (iv) Perbelanjaan bagi utiliti seperti caj telefon, elektrik dan air untuk penjagaan pejabat.
 - (v) Perbelanjaan bagi tambang perjalanan kelas ekonomi kapal terbang atau pengangkutan darat yang dilakukan oleh kakitangan pejabat promosi pendidikan bagi perjalanan luar stesen bagi tujuan promosi pendidikan tinggi.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (vi) Perbelanjaan berkaitan dengan (v) bagi tambang darat di destinasi yang dituju.
- (vii) Perbelanjaan berkaitan dengan (v) bagi penginapan hotel (terhad kepada RM300 sehari).
- (viii) Perbelanjaan berkaitan dengan (v) bagi makanan (terhad kepada RM150 sehari).
- (h) Perbelanjaan bagi publisiti dan iklan dalam mana-mana media massa di luar negara termasuk-
 - (i) Perbelanjaan bagi pengiklanan melalui televisyen, radio, surat khabar, majalah am dan perdagangan atau direktori perdagangan.
 - (ii) Perbelanjaan bagi percetakan dan pengeluaran bahan-bahan cetak seperti risalah, majalah dan buku panduan yang dilakukan di dalam atau luar negara bagi tujuan edaran di luar negara.
 - (iii) Perbelanjaan bagi penghantaran bahan-bahan cetak ke destinasi di luar negara.

4. Potongan yang dibenarkan

- 4.1 Syarikat yang memenuhi syarat kelayakan layak mendapat potongan tambahan berhubung dengan apa-apa perbelanjaan yang layak bagi maksud penggalakan eksport pendidikan tinggi dalam menentukan pendapatan larasannya daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.
- 4.2 Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk menghadkan amaun perbelanjaan yang layak jika pada pendapatnya, amaun yang dituntut itu berlebihan daripada apa yang dijangkakan lazim bagi sesuatu perniagaan itu.

5. Prosedur Tuntutan Potongan

- 5.1 Syarikat yang ingin menuntut galakan ini dikehendaki mengisi dengan lengkap borang tuntutan LHDN/BT/DD/POE/HE/2026
- 5.2 Borang tuntutan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di alamat <https://www.hasil.gov.my/>.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 5.3 Borang tuntutan asal dan dokumen-dokumen relevan yang asal berhubung perbelanjaan yang dituntut hendaklah disimpan dengan teratur oleh syarikat pemohon sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun dari akhir tahun di mana pendapatan itu dikaitkan untuk pemeriksaan audit oleh KPHDN.
- 5.4 Tuntutan potongan tambahan boleh dibuat dengan mengisi ruangan D1 (Menuntut Perbelanjaan Khas, Potongan Selanjutnya dan potongan Dua Kali) pada Borang Nyata Cukai Pendapatan.

6. Pemakaian

- 6.1 Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Tuntutan Potongan Bagi Pengalakan Eksport Pendidikan Tinggi bertarikh 9 Disember 2004.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3 Julai 2026

Ruj.: LHDN.AG.600-1/10/3 (S)